

SIARAN MEDIA

KPKT BERJAYA PULIHKAN 50 PROJEK PERUMAHAN SWASTA SAKIT DAN TERBENGGALAI BAGI BULAN OKTOBER 2023 (REKOD TERTINGGI SEHINGGA OKTOBER 2023)

PUTRAJAYA, 1 DISEMBER 2023 - Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir telah mengumumkan sebanyak **50 projek perumahan swasta sakit dan terbengkalai dengan 4,986 unit perumahan telah berjaya dipulihkan** bagi bulan Oktober 2023. Ia merupakan **rekod tertinggi sepanjang tempoh 10 bulan** sejak *Task Force* Projek Perumahan Swasta Sakit dan Terbengkalai (TFST) diwujudkan bermula Januari 2023.

YB Akmal meneruskan fokus pemantauan terhadap Projek Perumahan Swasta Sakit dan Terbengkalai dengan mempengerusikan Mesyuarat *Task Force* Projek Perumahan Swasta Sakit dan Terbengkalai (TFST) Bil.11/2023 pada 22 November 2023. Sepanjang tempoh 10 bulan tersebut, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah berjaya mencapai kejayaan yang signifikan dalam pemulihan projek perumahan swasta sakit dan terbengkalai.

Sehingga 31 Oktober 2023, **terdapat pertambahan sebanyak 50 projek perumahan swasta yang berjaya dipulihkan** menjadikan keseluruhan projek perumahan swasta berjaya dipulihkan adalah sebanyak **351 projek** iaitu **43,738 unit rumah** dengan Nilai Pembangunan Kasar (*Gross Development Value, GDV*) sebanyak **RM32.87 bilion**.

Menurut YB Akmal, **“Pencapaian bagi bulan Oktober merupakan angka tertinggi sejak TFST diwujudkan dan ini merupakan satu penghargaan dan pengiktirafan kepada kumpulan kerja TFST dalam memastikan semua projek yang bermasalah dipantau dan diambil tindakan dengan proaktif.”**

Sehingga 31 Oktober 2023, TFST telah merekodkan sebanyak **55 projek lewat, projek sakit adalah sebanyak 497 projek** dan **projek perumahan swasta yang telah disahkan**

terbengkalai adalah sebanyak 117. Semua projek lewat, sakit dan terbengkalai membawa nilai **GDV** sebanyak **RM74.92 bilion.** Walaupun terdapat **pertambahan projek sakit dan projek terbengkalai** namun nilai **GDV** telah **berkurang sebanyak RM4.11 bilion.**

Tambah beliau, “TFST mengambil pendirian bahawa dalam tempoh pemaju menyiapkan pemajuan perumahan, kebajikan pembeli yang menjadi mangsa projek perumahan bermasalah adalah perlu dibela. Justeru, TFST mencadangkan supaya projek di bawah program perumahan Kerajaan atau Pihak Berkuasa Negeri yang terkesan dengan kelewatan atau mengalami status sakit untuk menerima manfaat daripada Dana Jaminan Khas berjumlah RM 1 bilion seperti yang diumumkan dalam Belanjawan Madani 2024 apabila diluluskan kelak.”

KPKT melalui urusetia TFST iaitu Jabatan Perumahan Negara (JPN) akan bersama Kementerian Kewangan akan meneliti dan memperhalusi kriteria untuk mengenalpasti kesesuaian dan keperluan dalam penentuan projek perumahan agar peruntukan yang diberikan dapat dimanfaatkan dan digunakan dengan optimum dalam pemulihan projek perumahan swasta bagi menjaga kepentingan pembeli.

TFST terus menjalankan pelbagai ikhtiar melalui semua sesi libat urus yang dijalankan yang diharapkan menjadi ruang untuk semua pihak meneliti dan mengenalpasti isu-isu utama yang menjejaskan industri perumahan di negara ini serta menyumbang pandangan dan cadangan yang bersesuaian. Disamping itu, sesi pemantauan yang konsisten sama ada melalui kaedah turun tapak mahupun secara digital melalui sistem *Housing Integrated Management System (HIMS)* turut dilaksanakan.

Selain itu, YB Akmal juga telah merasmikan **Seminar Pemulihan Projek Perumahan Swasta Terbengkalai** yang julung kali diadakan pada 16 November 2023 yang lalu bertempat di *Putrajaya International Convention Centre (PICC)*. Seramai 160 orang peserta yang terdiri daripada wakil agensi kerajaan, pelikuidasi, pemaju perumahan, pemaju dan kontraktor penyelamat serta pihak-pihak yang berkepentingan dalam memulihkan projek perumahan terbengkalai. Antara perkara utama yang menjadi perhatian setelah berakhirnya seminar tersebut dimana keseluruhan peserta bersetuju bahawa cadangan untuk memperkasakan pengurusan projek terbengkalai adalah seperti berikut;

- Memudahkan kelulusan teknikal;
- Memperkemas perundangan dan penguatkuasaan;
- Kawalan daripada pihak pembiaya;
- Kawalan dari segi pengurusan syarikat yang terlibat dengan projek terbengkalai; dan
- Mekanisma kawalan pelaksanaan projek.

Oleh itu, semua ini akan dijadikan agenda utama yang akan diteliti dan diperhalusi pada tahun 2024 dan seterusnya untuk menambahbaik pengurusan dan memastikan pengurangan kepada projek perumahan swasta yang bermasalah.

KPKT melalui TFST komited meneruskan agenda nasional dalam membantu pemulihan projek-projek perumahan swasta yang bermasalah sama ada dalam kategori lewat, sakit atau terbengkalai bagi memastikan kepentingan pembeli rumah terpelihara seterusnya mengurangkan beban rakyat.

#MalaysiaMadani
#StrongerTogether
#DemiPertawi
#UnityInDiversity

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

